

## Interpretasi pantun daripada perspektif semiotic

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pantun Melayu dengan menggunakan perspektif semiotik. Pantun Melayu kaya dengan khazanah keindahan bahasa, penuh dengan simbol, baris bersajak dan kata-kata puitis yang indah dapat menunjukkan betapa sopannya orang-orang Melayu mengucap rasa hati, fikiran, atau idea serta jiwanya. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pantun Melayu dari perspektif semiotik dengan menggunakan teori pensemiotikan puisi Riffaterre. Pengkaji menggunakan kaedah kajian analisis teks dan membataskan kajian terhadap pantun yang diambil dari buku Kurik Kundi Merah Saga. Hasil kajian dapat mengurangkan kesukaran untuk membuat interpretasi terhadap sesuatu lambang atau unsur yang terdapat dalam sesuatu perkataan dan seterusnya memahami apa yang hendak disampaikan melalui tafsiran lambang-lambang berkenaan di samping dapat memberikan pemahaman yang tepat berdasarkan makna pantun sebenar.

**Keyword:** Semiotics; Pantun; Riffaterre semiotics theory; Sign; Kurik Kundi Merah Saga